

25 MAY 1996

Annuar - Miskin

PERUNTUKAN RUMAH PPRT DINAIKKAN DARIPADA RM3,000 KEPADA RM5,000

BANTING, 25 Mei (Bernama) -- Peruntukan bagi membina rumah rakyat termiskin dinaikkan daripada RM3,000 kepada RM5,000 untuk membolehkan rumah itu mempunyai sebuah bilik dan siap dengan pendawaian elektrik, kata Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa.

Katanya, pertambahan sebanyak RM2,000 bagi sesebuah rumah rakyat termiskin itu dibuat berikutan keputusan kerajaan memperuntukan sejumlah RM722 juta untuk pembasmian kemiskinan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK-7).

"Dalam tempoh RMK-7 ini kita berharap dapat membina 20,000 unit rumah bagi rakyat termiskin di seluruh negara termasuk di Sabah yang peruntukan bagi seunit ialah RM5,990," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Gerakan Desa Wawasan peringkat daerah Kuala Langat di Kampung Medan dekat sini, hari ini.

Beliau berkata matlamat 20,000 unit rumah untuk 20,000 keluarga termiskin itu ditetapkan kerana daripada sejumlah 35,000 keluarga termiskin yang dikenalpasti tidak semuanya memerlukan rumah sebab sudah mempunyai rumah asas.

Bagi memanfaatkan peruntukan itu sebaik-baiknya, kerajaan sedang berusaha menghasilkan rumah dengan satu rekabentuk yang standard yang mempunyai sebuah bilik yang kemudian boleh ditambah sendiri bilik-bilik lain oleh penghuninya.

Annuar berkata Kerajaan-kerajaan Negeri pula digalakkan menambahkan RM2,000 lagi seunit kepada peruntukan itu untuk membolehkan rumah yang lebih baik dibina dan setakat ini Terengganu dan Perak bersetuju dengan cadangan itu.

Masyarakat Orang Asli juga tidak dilupakan dalam program itu dan antara penduduk Orang Asli yang dikenalpasti bersetuju dipindahkan dan mendapat rumah di bawah PPRT ialah di Sungai Siput Perak, di Jeli dan Kuala Betis di Kelantan serta beberapa kampung lagi di Pahang.

Ketika menjawab soalan, beliau berkata bagi penduduk termiskin yang sudah mempunyai rumah asas, bantuan untuk mereka disediakan sebanyak RM2,500 sekeluarga untuk kerja-kerja membaikpulih rumah yang ada.

Mengenai peruntukan RM722 juta itu, beliau berkata sebanyak RM200 juta diperuntukkan khusus kepada Amanah Ikhtiar Malaysia untuk menggerakkan projek-projek ekonomi bagi rakyat termiskin manakala baki RM522 juta untuk pembinaan rumah PPRT dan projek-projek lain.

Ketika berucap sebelum itu, beliau berkata Gerakan Desa Wawasan peringkat kebangsaan akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 4 Julai dan serentak itu akan diumumkan juga Piagam Pelanggan gerakan itu.

Annuar berkata Gerakan Desa Wawasan merupakan satu daripada program menyeluruh Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk membangunkan kawasan desa dan luar bandar melibatkan 3,000 buah kampung. -- BERNAMA

MNY CR